

# Masalah Sosial Dan Kesedaran Sivik Generasi Muda Daripada Keluarga Berpendapatan Rendah Di Bandar

Laporan Penyelidikan  
Diserahkan kepada  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia

Februari 2007

Disediakan oleh  
Institut Pengajian Sains Sosial  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang, Selangor

## **PRAKATA**

Laporan penyelidikan ini adalah hasil projek penyelidikan “Masalah Sosial dan Kesedaran Sivik Generasi Muda daripada Keluarga Berpendapatan Rendah di Bandar” yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik daripada Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia. Kumpulan penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia yang menyediakan gren untuk penyelidikan ini. Penghargaan juga diberikan kepada semua pihak, khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan responden kajian, yang telah menyumbang sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pelaksanaan projek penyelidikan ini. Tanpa kerjasama mereka penyelidikan ini tidak akan dapat disempurnakan.

Prof. Madya Dr. Ezhar Tamam  
Dr. Jusang Bolong  
Mohamad Rezal Hamzah  
Zamree Yaakob

16hb. Februari 2007

# MASALAH SOSIAL DAN KESEDARAN SIVIK DI KALANGAN GENERASI MUDA DARIPADA KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH DI BANDAR

## PENGENALAN

Memang sewajarnya kerajaan memberi perhatian kepada golongan yang berumur antara 15 hingga 24 tahun, dianggarkan berjumlah 4.1 juta, kerana mereka adalah aset penting dan pewaris kepada pembangunan negara. Di antara isu yang menarik perhatian banyak pihak tentang golongan muda ini ialah keterlibatan mereka dalam masalah sosial seperti melepak, menghisap dadah, mencuri, menonton bahan lucah, merokok, berjudi, dan meminum arak. Walaupun peratusan yang terlibat dalam aktiviti berisiko ini masih rendah, tetapi tren peningkatan peratusan yang terlibat perlu diberi perhatian. Fazilah et. al (2005) dalam kajian yang melibatkan belia 15 hingga 30 tahun mendapati aktiviti berisiko menonton bahan lucah, merokok, berjudi, vandalisme, dan meminum arak adalah lima yang teratas. Faktor yang menyumbang kepada penglibatan dalam aktiviti berisiko juga telah dikaji oleh beberapa penyelidik. Rozumah et. al. (2005), contohnya, dalam kajian yang melibatkan remaja 13 hingga 18 tahun mendapati beberapa faktor individu dan persekitaran berkait secara signifikan dengan penglibatan dalam masalah sosial. Disamping itu, kajian tersebut juga mendapati penglibatan dalam satu masalah berkait dengan masalah yang lain. Penggunaan bahan berasaskan dadah (substance use), sebagai contoh, didapati boleh dikaitkan dengan keganasan, tingkahlaku delinkuensi, kelemahan pencapaian akademik dan masalah di sekolah.

Sungguhpun kajian di atas dan kajian-kajian sebelumnya telah memberikan banyak maklumat berguna tentang masalah sosial dalam kalangan golongan muda, tetapi pengetahuan tentang penglibatan golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah dalam aktiviti berisiko masih belum jelas. Persoalan tentang penglibatan golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah adalah sangat relevan kerana penemuan kajian lepas telah mendapati bahawa fenomena masalah sosial banyak berlaku di kalangan mereka yang kurang berada, dan dikalangan mereka yang terhad akses kepada sumber pengetahuan. Noor Adiah (1998) dan Norhayati (1994), antaranya, mendapati masalah sosial ada kaitan dengan pendapatan keluarga. Di negara barat, Mannes Roehlkepartain dan Benson (2005) melaporkan bahawa belia yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah adalah dua kali ganda lebih cenderung untuk bertingkah laku antisosial berbanding belia lain, manakala belia yang rendah asetnya pula adalah empat kali ganda lebih cenderung melibatkan diri dengan tingkah laku antisosial tanpa mengambil kira status ekonomi keluarga.

Disamping perbezaan tahap keterlibatan mengikut pendapatan ibubapa, kajian lepas juga telah mendapati perbezaan tahap keterlibatan mengikut jantina. Seperti penemuan kajian di barat (cth., Flannery, Vazsonyi dan Fridrich 1994; Copeland dan Hess, 1995), kajian di Malaysia juga mendapati penglibatan remaja lelaki dalam tingkah laku delinkuen adalah lebih tinggi berbanding remaja perempuan (cth., Siti Hadidah, 1992; Raman, 1999 dan Wan Ghazali, 2000).

Kualiti pembangunan dan kesejahteraan hidup golongan muda bergantung kepada kualiti persekitaran di mana mereka dibesarkan (Larson, 2005). Perubahan makro yang berlaku kesan daripada pemodenan dan globalisasi telah merubah persekitaran golongan muda. Dengan pemodenan dan globalisasi, golongan muda lebih terdedah kepada faktor risiko (risk factor) yang meningkatkan kerapuhan kepada permasalahan sosial. Tumpuan ibubapa kepada usaha meningkatkan pendapatan lantaran desakan ekonomi juga memberi kesan ke atas faktor perlindungan (protective factor) yang generasi muda perlukan dalam proses pembangunan diri.

Secara konseptualnya, faktor perlindungan mengurangkan kebarangkalian untuk turut serta dalam aktiviti masalah sosial melalui kedapatan model tingkahlaku prososial.. Manakala faktor risiko pula meningkatkan kebarangkalian untuk turut serta dalam aktiviti masalah sosial kerana kedapatan model tingkah devian atau antisosial (Costa, Jessor, & Turbin, 1999; Jessor, Turbin, & Costa, 1998a, 1998b; Jessor, Van Den Bos, Vanderryn, Costa, & Turbin, 1995). Ini selari dengan *attachment hypothesis* yang meramalkan semakin rapat hubungan antara seseorang individu dengan orang lain seperti ibu bapa, rakan sebaya dan guru-gurunya, semakin sensitif individu itu terhadap komen-komen daripada mereka. Sesma dan Roehlkepartain (2003) mendapati golongan muda daripada enam kumpulan etnik yang dikaji lebih cenderung untuk terlibat dengan aktiviti berisiko jika mereka kekurangan faktor perkembangan berbanding mereka yang lebih tinggi faktor perkembangan. Teori Kawalan Sosial (Hirsch, 1969) mencadangkan tingkah laku devian adalah semulajadi dan perkara yang harus dikikis ialah keakuran pada tingkah laku devian. Menurutnya lagi, individu yang mempunyai ikatan kuat terhadap kumpulannya akan lebih cenderung untuk akur.

Faktor kawalan diri telah didapati boleh menjauhkan diri remaja daripada tingkah laku. Calhoun Jurgens dan Chen. (1993) mendapati remaja daripada rumahtangga yang retak atau ibu tunggal lebih mudah terbit dalam tingkah laku delinkuen berbanding dengan remaja yang datang daripada keluarga yang normal. Hal yang sama juga didapati di negara ini. Norhayati (1994) dalam kajiannya mendapati semua pelajar daripada keluarga bercerai mempunyai masalah peribadi yang membawa kepada tingkah laku antisosial

Kemerosotan faktor perlindungan yang diperlukan dan peningkatan faktor risiko adalah ancaman utama dalam usaha kerajaan membangunkan keupayaan golongan muda dalam konteks membina negara. Misi Nasional 2006 – 2010 dan Rancangan Malaysia ke 9 memberi perhatian kepada pembangunan modal insan dan pembasmian kemiskinan. Dalam konteks membangunkan keupayaan modal insan golongan muda selaras dengan Misi Nasional dan RMK 9 dan khususnya bagi golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah, maka kedapatan faktor perlindungan dan faktor risiko pembangunan golongan muda perlu dinilai sesuai dengan perkembangan dan kemajuan yang berlaku sekarang dan cabaran baru yang dialami golongan berpendapatan rendah dalam zaman globalisasi.

Membina negara dan membangunkan golongan muda ke arah berciri maju, progresif dan bermoral bukan sahaja melibatkan usaha mengurangkan masalah sosial dalam kalangan

mereka tetapi juga melibatkan usaha meningkatkan kesedaran sivik agar mereka berasa bertanggungjawab terhadap negara dan masyarakat. Aktiviti sivik adalah berorientasikan tindakan kolektif, mengambil berat ke atas pembangunan orang lain serta keputusan yang dibuat secara bermasyarakat (Christiano, 1996; Wuthnow, 1991). Di dalam sistem demokrasi, kewarganegaraan dimiliki dengan hak dan tanggungjawab dan kewarganegaraan yang aktif hanya berlaku dengan melibatkan diri di dalam komuniti (McBride, Sherraden dan Pritzker 2006). Kesedaran sivik dianggap salah satu cara untuk membina kemahiran dan kebolehan, meningkatkan toleransi di kalangan penduduk, membina komuniti serta mengumpulkan tindakan kolektif (Schlozman, Verba & Brady, 1999; Wilson & Musick, 1999). Isu kesedaran sivik dalam kalangan golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah kurang mendapat perhatian pengkaji sains sosial sedangkan isu ini adalah penting dalam membina negara dan mereliasasikan potensi golongan muda sebagai rakan pembangunan negara.

### Objektif Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, maka kajian ini dijalankan dengan objektif khusus berikut:

1. Mengetahui tahap penglibatan golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dalam masalah sosial.
2. Mengetahui sejauh mana golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar mempunyai faktor pelindung dan terdedah kepada faktor risiko.
3. Mengetahui tahap kesedaran sivik golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar.
4. Mengetahui sejauh mana faktor konteks (faktor pelindung dan faktor risiko) dan faktor individu mempengaruhi penglibatan dalam masalah sosial dan kesedaran sivik di kalangan golongan muda daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar.

## METODOLOGI

Kajian masalah sosial dan kesedaran sivik dalam kalangan generasi muda daripada keluarga berpendapatan rendah ini menggunakan kaedah tinjauan. Kaedah ini adalah bersesuaian untuk menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

### Lokasi Dan Responden Kajian

Tinjauan dijalankan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. PPR adalah kawasan perumahan yang dikhususkan untuk golongan yang berpendapatan rendah iaitu kurang daripada dua ribu ringgit (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 2005). Pemilihan kawasan kajian adalah berdasarkan perbincangan dengan pihak Jabatan Perumahan DBKL. Untuk kajian ini, kesemua zon telah diwakili. Setiap

zon masing-masing diwakili dua kawasan PPR berdasarkan populasi yang tertinggi. PPR yang dipilih adalah seperti berikut :

Zon	PPR	Peratus (n)
Zon 1	PPR Desa Tun Razak	11.8 (47)
	PPR Taman Mulia	16.4 (65)
Zon 2	PPR Kg. Muhibbah	17.1 (68)
	PPR Sri Pantai	9.6 (38)
Zon 3	PPR Beringin	13.6 (54)
	PPR Intan Baiduri	10.3 (41)
Zon 4	PPR Gombak Setia	10.8 (43)
	PPR Seri Semarak	10.3 (41)
Keseluruhan		100 (397)

Seramai 397 responden telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 69.5% lelaki dan selebihnya perempuan. Majoriti besar responden tinggal bersama dengan keluarga (95.0%). Responden dalam kajian ini datangnya dari tiga kategori golongan muda—masih belajar (52.4%), bekerja (39.7%) dan menganggur (7.6%). Kesemua responden telah ditetapkan di kalangan mereka yang berumur di antara 15 tahun hingga ke 25 tahun. Responden kajian juga didapati seimbang dari segi pendidikan tertinggi iaitu UPSR, PMR dan SPM. Peratusan responden yang mempunyai pendidikan tertiar adalah kecil (7.6%).

### Pengumpulan Data

Pengumpulan data telah dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik tabdir sendiri dan dibantu oleh enam orang enumerator terlatih. Ia dijalankan pada bulan September 2006 hingga Oktober 2006. Penyelidik telah mengenal pasti tempat tumpuan/pertemuan (port) golongan muda di sekitar kawasan kajian. Pengumpulan data dilaksanakan di waktu malam memandangkan golongan sasaran berada di tempat pertemuan/tumpuan mereka pada waktu ini. Borang soal selidik disediakan dalam Bahasa Malaysia. Masa yang diambil untuk menjawab soal selidik adalah di antara 20 hingga ke 35 minit. Bagi memastikan keselesaan responden ketika mengisi borang soal selidik, mereka mengisinya secara bersendirian dan diingatkan maklumat yang diberikan tidak akan dikaitkan dengan mana-mana individu.

### Instrumen

Keterlibatan dalam masalah sosial diukur dengan meminta responden menyatakan sejauhmana mereka terlibat dalam aktiviti berisiko yang disenaraikan dalam masa enam bulan lepas (0=tidak pernah, 1=sekali sekala, 3=agak kerap, 4=kerap). Skor keterlibatan bagi setiap item aktiviti berisiko dijumlahkan untuk mendapatkan skor tahap keterlibatan dalam masalah sosial. Skor yang lebih tinggi bermakna keterlibatan yang lebih tinggi.

Lima domain faktor pelindung diukur dalam kajian ini. Setiap domain pula mengandungi beberapa sub-domain. Dan setiap sub-domain mengandungi beberapa item berskala

Likert 4-mata. Responden diminta menyatakan sejauhmana mereka bersetuju/tidak bersetuju dengan setiap item yang dikemukakan (1=sangat tidak setuju, 2=tidak bersetuju, 3=bersetuju, 4=sangat bersetuju) atau sejauhmana item tersebut tepat dengan diri mereka (1=sangat tidak tepat, 2=tidak tepat, 3=tepat, 4=sangat tepat). Skor agregat bagi setiap faktor pelindung mewakili tahap kedapatan faktor pelindung yang dimaksudkan. Perincian bilangan item mengikut setiap sub-domain faktor pelindung adalah seperti berikut:

Domain	Sub-domain	Jumlah item
Keluarga	Ikatan keluarga	5
	Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial	7
	Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial	3
Komuniti	Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial	4
	Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial	4
	Perpaduan dan keselamatan komuniti	5
Rakan sebaya	Rakan yang mengamalkan tingkah laku konvensional	3
	Kepercayaan pro sosial	3
Media	Pengawasan ibu bapa terhadap menggunakan media	5
	Pendedahan kepada program pembangunan dalam media	3
Sekolah	Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial	5
	Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial	4
	Jumlah	51

Pengukuran faktor risiko juga melibatkan lima domain dan setiap domain mengandungi beberapa sub-domain. Setiap sub-domain mengandungi beberapa item berskala Likert 4-mata. Responden diminta menyatakan sejauhmana mereka bersetuju/tidak bersetuju dengan item yang dikemukakan (1=sangat tidak setuju, 2=tidak bersetuju, 3=bersetuju, 4=sangat bersetuju). Skor agregat bagi setiap faktor risiko mewakili tahap pendedahan kepada faktor risiko. Perincian bilangan item mengikut elemen faktor risiko adalah seperti berikut:

Domain	Sub-domain	Jumlah item
Keluarga	Lemah pengurusan keluarga	4
	Konflik keluarga	3
	Sikap ibu bapa terhadap tingkah laku anti-sosial	4
Komuniti	Rendah ikatan komuniti	4
	Tinggi kecelaruan komuniti	3
	Lemah keselamatan kejinan	3
Rakan sebaya	Kepercayaan anti-sosial	4
	Penolakan rakan sebaya	2
	Bersama dengan rakan sebaya yang anti-sosial	3
Media	Pendedahan kepada keganasan dalam media	3
	Pendedahan kepada program media	3
Sekolah	Rendah komitmen terhadap sekolah	4

	Pengharapan guru rendah	3
	Jumlah	43

Kesedaran sivik diukur dengan meminta responden menyatakan sejauhmana 14 item yang dikemukakan tepat dengan diri mereka (sama ada 1=sangat tidak tepat, 2=tidak tepat, 3=tepat, atau 4=sangat tepat). Skor setiap item dijumlahkan untuk mendapatkan skor kesedaran sivik. Skor yang lebih tinggi bermakna tahap kesedaran sivik yang lebih tinggi.

Estim sendiri diukur dengan meminta responden menyatakan sejauhmana 10 pernyataan yang dikemukakan benar dengan diri mereka (1=sangat tidak benar, 2=tidak benar, 3=kurang pasti, 4=lebih kurang benar, 5=sangat benar). Skor setiap pernyataan dijumlahkan untuk mewakili skor estim sendiri. Skor yang lebih tinggi bermaksud tahap estim sendiri yang lebih tinggi.

### Kebolehpercayaan dan Kesahihan

Borang soal selidik mengandungi soalan-soalan yang telah di uji bagi memastikan soalan tersebut boleh difahami dan dijawab oleh responden. Pra uji telah dijalankan di PPR Concrane Perkasa di Cheras pada 15 September 2006. Berdasarkan hasil pra-uji, tahap kebolehpercayaan telah dikenal pasti dan beberapa soalan telah dikemaskini. Tahap kebolehpercayaan berdasarkan data sebenar adalah seperti dibawah:

Faktor Pelindung	<i>Alpha Cronbach</i>
Ikatan keluarga	0.78
Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial	0.81
Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial	0.76
Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial	0.78
Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial	0.71
Perpaduan dan keselamatan komuniti	0.78
Rakan yang mengamalkan tingkah laku konvensional	0.69
Kepercayaan pro sosial	0.70
Pengawasan ibu bapa terhadap menggunakan media	0.69
Pendedahan kepada program pembangunan dalam media	0.73
Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial	0.84
Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial	0.74
<b>Faktor Risiko</b>	
Lemah pengurusan keluarga	0.72
Konflik keluarga	0.79
Sikap ibu bapa terhadap tingkah laku anti-sosial	0.72
Rendah ikatan komuniti	0.71
Tinggi kecelaruan komuniti	0.63
Lemah keselamatan kejiwaan	0.62
Kepercayaan anti-sosial	0.74
Penolakan rakan sebaya	0.58



Bersama dengan rakan sebaya yang anti-sosial	0.71
Pendedahan kepada keganasan dalam media	0.83
Pendedahan kepada program media	0.86
Rendah komitmen terhadap sekolah	0.82
Pengharapan guru rendah	0.77
Kesedaran sivik	
Tanggungjawab terhadap diri sendiri dan publik	0.74
Tanggungjawab terhadap institusi dan negara	0.79
Estim sendiri	0.88

### Analisa

Bagi objektif 1, iaitu untuk mengenal pasti tahap penglibatan golongan muda dalam masalah sosial, analisis deskriptif telah dijalankan untuk melihat taburan keterlibatan responden dalam aktiviti tersebut. Di samping itu, analisa tabulasi silang juga digunakan untuk melihat keterlibatan golongan muda dalam aktiviti sosial berdasarkan kategori responden dan jantina. Manakala analisa ujian *t* dan ANOVA dijalankan untuk melihat perbezaan min keterlibatan dalam masalah sosial mengikut faktor demografi seperti jantina, kategori belia, pendapatan ibu bapa dan umur. Penyelidik juga melihat sama ada terdapat perkaitan di antara masalah sosial dengan faktor risiko dan pelindung.

Skor yang diperoleh responden bagi setiap sub-domain faktor pelindung dikelompokkan kepada dua: (1) skor dalam kategori faktor pelindung kuat, dan (2) skor dalam kategori faktor pelindung lemah. Untuk tujuan ini penyelidik telah menetapkan skor dalam *upper-quartile (25%) of the theoretical range score* dalam kategori perlindungan kuat, sementara selebihnya dalam kategori perlindungan lemah.

Kaedah yang sama juga digunakan dalam menganalisis taburan pendedahan kepada faktor risiko. Responden digolongkan dalam kumpulan tinggi pendedahan kepada faktor risiko jika skor yang diperoleh berada dalam *lower-quartile (25%) of the theoretical range score*, manakala yang selebihnya digolongkan dalam kumpulan rendah pendedahan kepada faktor risiko.

Analisis terhadap tahap kesedaran sivik juga menggunakan kaedah *cut-off point*. Skor dalam *upper-quartile (25%) of the theoretical range score* dikategori dalam tinggi tahap kesedaran sivik, sementara selebihnya dikategorikan rendah tahap kesedaran sivik.

Analisis regresi berganda (multiple regression) telah dilakukan untuk mengenal pasti pengaruh faktor konteks (faktor pelindung dan faktor risiko) dan faktor individu (estim sendiri, kesedaran sivik, jantina, umur, kategori responden, dan pendapatan ibu bapa) keatas keterlibatan responden dalam masalah sosial.

## HASIL KAJIAN

### Keterlibatan dalam Masalah Sosial

Penglibatan generasi muda dalam masalah sosial merupakan isu yang tidak pernah lekang dari perbincangan semua pihak. Perbincangan ini masih berpanjangan kerana masalah sosial merupakan masalah yang tidak bersifat bermusim. Penglibatan generasi muda dalam masalah sosial juga selalu dikaitkan dengan golongan yang berpendapatan tinggi atau sederhana atas andaian bahawa keluarga kaya atau berpendapatan tinggi sering mengabaikan keluarga masing-masing lantaran terlalu mementingkan kerjaya dan kebendaan. Fikiran yang stereotaip ini menular dalam masyarakat sehingga tumpuan mengatasi masalah ini banyak merujuk kepada kelompok tersebut dan mengabaikan satu kelompok lain, iaitu generasi muda dari keluarga berpendapatan rendah. Sementara itu, perubahan makro yang berlaku kesan daripada pemodenan dan globalisasi telah merubah persekitaran golongan muda. Perubahan ini lebih ketara di bandar.

Justeru, kajian ini melaporkan penglibatan generasi muda, berumur 15 hingga 25 tahun, dalam masalah sosial dari keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di bandar. Jadual 2 merumuskan taburan penglibatan responden dalam masalah sosial mengikut jenis-jenis masalah. Penglibatan mereka cukup meluas jika ditinjau dari aspek jenis-jenis masalah sosial.

Secara umumnya, majoriti (80%) responden terbabit dalam aktiviti berpelesenan atau melepak di pelbagai lokasi. Ini diikuti dengan aktiviti keluar dari rumah sehingga larut malam (68%). Kedua-dua masalah sosial ini boleh dianggap sebagai langkah awalan responden terjerumus dalam gejala-gejala negatif yang lain. Jumlah peratusan penglibatan yang relatif tinggi ini menggambarkan bahawa responden berkemungkinan memulakan aktiviti yang mendatangkan masalah sosial dengan cara berpelesenan ketika mereka keluar dari rumah sehingga larut malam. Berpelesenan hingga larut malam mendatangkan masalah sosial kerana aspek kawalan oleh pelbagai pihak kurang dilakukan lantaran waktu malam itu sendiri dianggap sebagai waktu rehat oleh kebanyakan pihak yang wajib memantau aktiviti remaja di bawah jagaan mereka. Susulan kurangnya kawalan juga mengundang penglibatan remaja dari keluarga berpendapatan rendah ini dengan gejala merokok (50%), membuli (24%) dan berlumba haram (23%). Semua masalah sosial susulan tersebut amat mudah dilakukan pada waktu malam kerana tidak dapat diperhatikan dengan jelas oleh pihak berwajib.

Jadual 2. Peratus Responden Terlibat Dalam Masalah Sosial

Jenis Masalah Sosial	Keseluruhan (n=394)	Lelaki (n=273)	Perempuan (n=121)	Belajar (n=207)	Bekerja (n=156)	Menganggur (n=30)
Berpelesenan/lepak	80.2	83.9	71.7	81.5	78.6	76.7
Keluar sehingga larut malam	68.2	78.9	43.8	60.4	76.1	76.7
Merokok	49.9	67.8	9.1	38.2	62.2	66.7
Membuli	23.8	26.8	17.4	22.0	26.5	16.7

Berlumba haram	23.1	29.9	7.5	12.6	34.8	35.7
Ponteng sekolah	22.3	20.7	25.6	42.2	NA	NA
Membaca dan menonton bahan lucah	19.4	26.1	4.2	12.1	28.4	23.3
Vandalisme	13.9	15.6	9.9	14.5	12.8	13.3
Mengunjungi disko	12.5	14.7	7.6	5.8	19.7	21.4
Judi video	11.3	13.8	5.8	7.2	17.3	6.7
Minum minuman keras	10.4	11.7	7.4	6.3	13.7	23.3
Seks sebelum kahwin	10.4	12.4	5.4	4.8	17.4	10.0
Mencuri	7.9	8.4	6.7	7.3	9.0	6.9
Mengambil pil khayal	7.4	7.3	7.6	5.4	9.0	13.3
Menghisap ganja	5.6	6.6	3.3	2.4	9.7	6.9
Hubungan sex sejenis (homosexual)	5.1	5.8	3.3	3.9	5.8	10.0
Memeras ugut	4.6	4.4	5.0	3.9	4.5	10.3
Menyeluk saku	4.3	3.7	5.8	4.4	5.2	-
Meragut	3.1	2.2	5.0	2.9	3.9	-
Menghidu gam	3.0	2.6	4.1	3.9	2.6	-

### Hubungan antara Jenis-jenis Masalah Sosial

Penglibatan seseorang dalam masalah sosial tidak terhad kepada satu jenis masalah sahaja. Penglibatan dalam satu aktiviti berisiko mengundang masalah sosial yang lain. Ini menunjukkan penglibatan satu jenis masalah sosial boleh berkait secara positif dengan masalah sosial yang lain. Allah berfirman

*"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar (arak), berjudi, (berkorban untuk) berhala, dan mengundi nasib dengan panah, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan." (Al-Maidah 5:90)*

Dari Ibnu majjah, Rasullah S.A.W telah bersabda :

*" Arak adalah ibu segala maksiat dan ianya adalah maksiat paling mengaibkan."*

Justeru, kajian ini (Jadual 3) mendapati bahawa melakukan aktiviti meminum minuman keras merupakan aktiviti masalah sosial yang paling banyak berkait secara positif dengan jenis masalah sosial yang lain seperti membuli, menghisap ganja, mengunjungi disko, menghidu gam, hubungan seks sejenis, keluar sehingga larut malam, berlumba haram,

membaca/menonton bahan lucu, merokok, mencuri, menyeluk saku, meragut, memeras ugut, mengambil pil khayal, vandalisme, judi video dan seks sebelum kahwin. Ini memberi gambaran bahawa penglibatan responden dalam aktiviti minuman keras menjadi faktor awalan yang merangsang penglibatan aktiviti-aktiviti negatif yang lain (yang lebih serius). Rasionalnya, minuman keras menyebabkan seseorang mabuk sehingga fikiran yang waras terjejas untuk membuat pertimbangan wajar terhadap perilaku seterusnya.

Manakala penglibatan dalam judi video pula boleh mengundang aktiviti-aktiviti negatif yang lain seperti membuli, menghisap ganja, mengunjungi disko, menghidu gam, hubungan seks sejenis, keluar sehingga larut malam, berlumba haram, membaca/menonton bahan lucu, merokok, mencuri, menyeluk saku, meragut, memeras ugut, mengambil pil khayal dan vandalisme.

Jadual 3. Korelasi Penglibatan Dalam Masalah Sosial

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
1. Minuman Keras			+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	
2. Berpelesenan/lepak			+					+	+		+						+			+
3. Membuli				+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+
4. Menghisap ganja					+	+	+		+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	
5. Mengunjungi disko						+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	
6. Menghidu gam							+	+	+	+		+	+	+	+	+	+	+	+	+
7. Hubungan sex sejenis								+	+	+		+	+	+	+	+	+	+	+	
8. Keluar sehingga larut malam									+	+	+	+					+	+	+	+
9. Berlumba haram										+	+	+	+	+	+	+	+	+	+	
10. Membaca dan menonton bahan lucu											+	+	+	+	+	+	+	+	+	
11. Merokok												+				+	+	+	+	
12. Mencuri													+	+	+	+	+	+	+	+
13. Menyeluk saku														+	+	+	+	+	+	+
14. Meragut															+	+	+	+	+	
15. Memeras ugut																+	+	+	+	+
16. Mengambil pil khayal																	+	+	+	
17. Vandalisme																		+	+	+
18. Judi video																			+	+
19. Seks sebelum kahwin																				
20. Ponteng Sekolah																				

Nota. + bermaksud perkaitan yang signifikan pada tahap 0.05

### Perbandingan Keterlibatan dalam Masalah Sosial Mengikut Umur, Jantina, Pendapatan Ibubapa, Kategori Golongan Muda

Penglibatan generasi muda daripada keluarga berpendapatan rendah tidak hanya boleh dilihat secara umum tanpa merujuk latar belakang mereka. Justeru, latar belakang yang berbeza juga perlu dibandingkan untuk menentukan golongan atau kategori mana yang lebih kerap terlibat dengan masalah sosial. Kajian ini (Jadual 4) membandingkan purata tahap penglibatan responden dalam masalah sosial. Perbandingan dilakukan mengikut kategori belia, jantina, pendapatan keluarga sebulan dan umur.

Secara purata, responden kajian ini agak kerap terlibat dengan masalah sosial ( $M= 3.61$ ,  $SP = 2.91$ ). Ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $F= 4.98$ ,  $\rho= 0.000$ ) antara kategori responden tentang keterlibatan dalam masalah sosial. Di antara kategori tersebut, ujian *Post Hoc* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $\rho=0.006$ ) antara golongan muda yang bekerja ( $M= 4.15$ ,  $SP= 3.27$ ) dengan golongan muda yang masih bersekolah ( $M= 3.16$ ,  $SP= 2.61$ ). Boleh dikatakan belia yang bekerja lebih kerap melibatkan diri dalam masalah sosial berbanding belia yang masih bersekolah.

Dari aspek jantina pula, responden lelaki ( $M= 4.22$ ,  $SP= 2.86$ ) lebih kerap terlibat dalam masalah sosial berbanding perempuan ( $M= 2.29$ ,  $SP= 2.56$ ). Ujian *t* menunjukkan perbezaan adalah signifikan pada paras ( $\rho=0.04$ ).

Manakala dari segi pendapatan ibu bapa pula, ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penglibatan dalam masalah sosial ( $F= 6.94$ ,  $\rho=0.000$ ). Ujian *Post Hoc* menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ( $\rho=0.001$ ), di antara golongan muda yang datang daripada keluarga yang berpendapatan bawah dan sama RM1000 dengan golongan muda yang datang daripada keluarga yang berpendapatan sama dan lebih 2001. Ini menunjukkan responden yang datang dari keluarga yang mempunyai pendapatan lebih RM2001, sangat kerap terlibat dengan masalah sosial ( $M= 4.96$ ,  $SP= 3.44$ ) berbanding yang berpendapatan kurang RM1000 ( $M= 3.33$ ,  $SP= 2.70$ ).

Berdasarkan umur pula, kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $F=2.307$ ,  $\rho=0.034$ ) keterlibatan responden dalam masalah sosial mengikut umur. Mengikut Ujian *Post Hoc* menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam skor keterlibatan masalah sosial di antara responden yang berumur 15 tahun dengan responden yang berumur lebih daripada 20 tahun pada aras keertian  $<0.05$ . Di dapati responden yang berumur 20 tahun lebih kerap terlibat dalam masalah sosial ( $M= 4.63$ ,  $SP= 3.34$ ), diikuti mereka yang berumur 21 tahun ke atas ( $M= 4.31$ ,  $SP= 3.32$ ).

Jadual 4. Skor Keterlibatan Dalam Masalah Sosial

		Min	Sisahan Piawai	Signifikan
Keseluruhan		3.61	2.91	
Kategori belia	Masih bersekolah	3.16	2.61	F = 4.98 $\rho = 0.00$
	Bekerja	4.15	3.27	
	Mengganggur	3.92	2.34	
Jantina	Lelaki	4.22	2.86	t = 4.05 $\rho = 0.04$
	Perempuan	2.29	2.56	
Pendapatan keluarga sebulan	<RM1000	3.33	2.70	F = 6.94 $\rho = 0.00$
	RM1001- RM2000	3.41	2.66	
	>RM2000	4.96	3.44	
Umur	15 tahun	2.96	2.63	F = 2.31 $\rho = 0.03$
	16 tahun	4.05	3.26	
	17 tahun	3.21	2.15	
	18 tahun	3.86	3.07	
	19 tahun	3.27	2.51	
	20 tahun	4.63	3.34	
	21 tahun ke atas	4.31	3.32	

#### Tahap Faktor Pelindung

Kajian ini meneroka faktor-faktor pelindung dalam lima domain (faktor keluarga, komuniti, rakan sebaya, media dan sekolah) yang dipunyai oleh golongan muda sebagai ruang lingkup yang diandaikan boleh melindungi mereka dari terlibat dalam masalah sosial.

Dari perspektif keluarga, Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti responden merasakan ikatan keluarga (79%), peluang dan ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro-sosial menjadi faktor perlindungan yang kuat (masing-masing 72%). Responden merasakan mereka masih diberi perhatian oleh keluarga masing-masing kerana hubungan mereka dengan ibu bapa masih rapat. Peluang dan ganjaran oleh ibu bapa untuk terlibat dalam aktiviti pro-sosial juga masih mereka rasakan wujud.

Selain aspek kekeluargaan, rakan sebaya juga berperanan sebagai faktor pelindung. Dalam kajian ini, 70% hingga 78% responden merasakan rakan sebaya sebagai faktor perlindungan; mereka mempunyai model rakan sebaya yang boleh dicontohi. Rakan-rakan yang mengamalkan tingkah laku konvensional seperti saling menasihati, melibatkan diri dengan kerja sukarela, sering mengingatkan mereka untuk melakukan kebaikan dan tegur menegur sesama mereka dirasakan menjadi pelindung kepada mereka dari terlibat dalam masalah sosial.

Komuniti yang prihatin juga boleh menjadi faktor pelindung. Didapati 72% responden merasakan komuniti memberi mereka peluang untuk terlibat dalam aktiviti pro-sosial.

Bagaimanapun, peratus responden yang merasa bahawa ganjaran yang diberi apabila terlibat dengan aktiviti pro-sosial adalah menurun (59%). Ini bermakna komuniti lebih tertumpu memberi peluang tetapi kurang terhadap ganjaran, yang menyebabkan faktor pelindung boleh menjadi lemah.

Bagaimanapun, faktor pelindung ini semakin lemah apabila responden berada di sekolah. Sekolah tidak menjadi pelindung yang kuat apabila lebih separuh responden merasakan mereka kurang dilibatkan (58%) dalam aktiviti pro-sosial dan ganjaran yang diterima juga kurang (65%). Kurangnya peluang dan ganjaran penglibatan aktiviti pro-sosial boleh mendedahkan remaja kepada penglibatan dalam masalah sosial.

Jadual 5. Peratus Responden Mengikut Tahap Faktor Pelindungan Mengikut Domain

Domain	Sub-domain	Perlindungan Lemah	Perlindungan Kuat
Keluarga	Ikatan keluarga (n=386)	21.2	78.8
	Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial (n=382)	28.3	71.7
	Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial (n=396)	18.4	71.6
Komuniti	Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial (n=388)	28.4	71.6
	Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial (n=391)	42.2	57.8
	Perpaduan dan keselamatan komuniti (n=380)	30.3	69.7
Rakan sebaya	Rakan yang mengamalkan tingkah laku konvensional (n=391)	29.9	70.1
	Kepercayaan pro sosial (n=393)	21.9	78.1
Media	Pengawasan ibu bapa terhadap penggunaan media (n=390)	41.3	58.7
	Pendedahan kepada program pembangunan dalam media (n=393)	38.7	61.3
Sekolah	Peluang penglibatan dalam aktiviti pro sosial (n=211)	58.3	41.7
	Ganjaran penglibatan dalam aktiviti pro sosial (n=209)	64.6	35.4

### Tahap Faktor Risiko

Dari sudut faktor pelindung, hubungan kekeluargaan adalah faktor pelindung yang dirasakan kuat oleh remaja yang datang dari keluarga pendapatan rendah. Ini selaras dengan dapatan kajian ini (Jadual 6), yang mana majoriti didapati di dalam kategori risiko rendah bagi domain keluarga. Di antara tiga sub-domain faktor keluarga didapati tiga dalam setiap sepuluh responden berisiko tinggi dalam sub-domain konflik keluarga

berbanding sub-domain lemah pengurusan keluarga dan sikap ibu bapa terhadap tingkah laku anti-sosial

Dari sudut komuniti pula, tren dapatan yang sama juga diperhatikan. Lebih ramai responden dalam kategori risiko rendah berbanding dengan risiko tinggi dalam sub-domain rendah ikatan keluarga dan lemah keselamatan kejurangan kecuali sub-domain tinggi kecelaruan dalam komuniti seperti ketakselesaian suasana tempat kediaman dan hidup berpuak-puak dalam kalangan masyarakat. Suasana kecelaruan ini sangat dirasakan oleh 65% responden.

Keputusan yang menonjol juga dapat dilihat dalam domain risiko rakan sebaya. Didapati lebih separuh responden (antara 60 hingga 76%) dikategorikan berisiko tinggi—tinggi pendedahan kepada risiko rakan sebaya. Pergaulan responden dengan rakan sebaya yang mempunyai kepercayaan anti-sosial seperti merokok adalah perkara biasa dan ketakkisahan terhadap penonton dan pembacaan bahan lucah oleh responden dirasakan oleh 67% responden. Lebih kurang 76% terdedah kepada ancaman penolakan rakan sebaya, 60% terdedah kepada rakan yang mengamalkan tingkah laku anti-sosial.

Dari sudut pendedahan media, peratus responden dalam kategori berisiko rendah dan berisiko tinggi agak seimbang. Lima dalam setiap sepuluh boleh dikatakan tinggi pendedahan kepada media dan program berunsur ganas.

Dari lima domain faktor risiko yang diteliti, faktor risiko sekolah didapati lebih ketara. Majoriti, sembilan dalam sepuluh responden, didapati sangat terdedah kepada faktor risiko sekolah. Mereka ini didapati rendah komitmen terhadap sekolah dan ditambah pula dengan rendah pengharapan guru terhadap mereka.

Jadual 6. Peratus Responden Mengikut Tahap Faktor Risiko Mengikut Domain

Domain	Sub-Domain	Risiko Rendah	Risiko Tinggi
Keluarga	Lemah pengurusan keluarga (n=381)	84.5	15.5
	Konflik keluarga (n=388)	74.2	25.8
	Sikap ibu bapa terhadap tingkah laku anti-sosial (n= 395)	89.6	10.4
Komuniti	Rendah ikatan komuniti (n=392)	83.2	16.8
	Tinggi kecelaruan komuniti (n=383)	35.2	64.8
	Lemah keselamatan kejurangan (n=396)	64.1	35.9
Rakan sebaya	Kepercayaan anti-sosial (n=389)	32.9	67.1
	Penolakan rakan sebaya (n=393)	24.2	75.8
	Bersama dengan rakan sebaya yang anti-sosial (n=395)	40.3	59.7
Media	Pendedahan kepada keganasan dalam media (n=395)	49.9	50.1
	Pendedahan kepada program media (n=394)	51.8	48.2



Sekolah	Rendah komitmen terhadap sekolah (n=205)	9.3	90.7
	Pengharapan guru rendah (n=207)	10.1	89.9

### Tahap Kesedaran Sivik

Kesedaran sivik dalam kalangan generasi muda dari keluarga berpendapatan tinggi juga perlu diberi perhatian dalam meneliti penglibatan mereka dalam masalah sosial. Kesedaran sivik itu dapat dinilai dari aspek tanggungjawab mereka terhadap diri sendiri dan publik dan juga tanggungjawab terhadap institusi dan keluarga.

Hasil kajian (Jadual 7) menunjukkan secara umum responden kajian ini mempunyai tanggungjawab yang rendah (62% dari jumlah responden) dan hanya 38% yang mempunyai tahap kesedaran tinggi dari aspek tanggungjawab terhadap diri sendiri dan publik. Taburan ini juga hampir sama dengan tahap kesedaran sivik dari aspek tanggungjawab terhadap institusi dan negara apabila 58% mempunyai kesedaran sivik yang rendah dan 42% lagi mempunyai kesedaran yang tinggi. Bagaimanapun, responden didapati lebih cenderung mempunyai kesedaran sivik terhadap institusi dan negara berbanding aspek diri dan masyarakat.

Jadual 7. Peratus Responden Mengikut Tahap Kesedaran Sivik

	Keseluruhan (n=394)	Lelaki (n=273)	Perempuan (n=121)	Belajar (n=207)	Bekerja (n=156)	Menganggur (n=30)
Tanggungjawab terhadap diri sendiri dan publik						
Rendah	61.9	60.2	65.5	62.1	60.3	63.3
Tinggi	38.1	39.8	34.5	37.9	39.7	36.7
Tanggungjawab terhadap institusi dan negara						
Rendah	58.0	57.2	59.8	63.7	52.0	50.0
Tinggi	42.0	42.8	40.2	36.3	48.0	50.0

Individu dari pelbagai latar belakang mempunyai kesedaran sivik yang mungkin berbeza. Kajian ini membandingkan kesedaran sivik responden mengikut kategori belia, jantina, pendapatan keluarga sebulan dan umur.

Jadual 8 menunjukkan perbandingan kesedaran sivik dari aspek tanggungjawab terhadap diri sendiri dan publik. Didapati responden yang masih bersekolah, bekerja dan menganggur mempunyai rasa tanggungjawab terhadap diri dan publik yang sama sahaja. Ini bermakna golongan kelompok belia ini mempunyai tahap kesedaran sivik yang tidak berbeza. Keputusan juga adalah sama jika perbandingan kesedaran sivik dilakukan dari sudut jantina, pendapatan keluarga sebulan dan umur.

Jadual 8. Skor Kesedaran Sivik – Tanggungjawab Terhadap Diri Sendiri dan Publik

		Min	Sisihan Piawai	Ujian Signifikan
Keseluruhan		17.37	3.62	
Kategori Belia	Masih bersekolah	17.13	3.76	F = 1.02 $\rho = 0.36$
	Bekerja	17.66	3.51	
	Menganggur	17.67	3.34	
Jantina	Lelaki	17.59	3.49	t = 1.15 $\rho = 0.28$
	Perempuan	16.87	3.85	
Pendapatan keluarga sebulan	<1000	17.25	3.44	F = 0.47 $\rho = 0.62$
	1001-2000	17.25	3.78	
	>2000	17.17	3.66	
Umur	15 tahun	17.19	3.63	F = 1.79 $\rho = 0.09$
	16 tahun	16.65	3.74	
	17 tahun	17.21	3.64	
	18 tahun	16.87	3.94	
	19 tahun	17.93	3.55	
	20 tahun	19.04	4.09	
	21 tahun ke atas	17.78	3.03	

Manakala Jadual 9 pula membandingkan kesedaran sivik dari aspek tanggungjawab terhadap institusi dan negara. Didapati terdapat perbezaan yang signifikan ( $F = 4.22$ ,  $\rho = 0.01$ ) dalam tahap kesedaran sivik antara kategori belia yang dibandingkan. Di dapati belia yang bekerja lebih mempunyai rasa tanggungjawab terhadap institusi dan negara ( $M = 15.43$ ,  $SP = 3.30$ ) berbanding responden yang masih bersekolah ( $M = 14.41$ ,  $SP = 3.23$ ) dan perbezaan ini signifikan pada paras 0.01.

Perbandingan mengikut gender dan pendapatan ibu bapa sebulan tidak menunjukkan sebarang perbezaan kesedaran sivik responden. Bagaimanapun, umur yang berbeza dalam kalangan remaja dari keluarga berpendapatan rendah ini mempunyai perbezaan rasa tanggungjawab terhadap institusi dan negara. Perbezaan ini signifikan pada paras 0.05 ( $F = 3.33$ ,  $\rho = 0.00$ ). Ujian *Post Hoc* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara responden yang berumur 15 tahun dengan responden yang berumur sama dan lebih 20 tahun terhadap kesedaran sivik. Secara umumnya, remaja yang berumur (sama dan lebih 20 tahun) lebih mempunyai kesedaran sivik yang lebih tinggi dari remaja yang berumur antara 15-18 tahun.

Jadual 9. Skor Kesedaran Sivik - Tanggungjawab Terhadap Institusi dan Negara

		Min	Sisihan Piawai	Ujian Signifikan
Keseluruhan		14.87	3.92	
Kategori Belia	Masih bersekolah	14.41	3.23	F = 4.22 $\rho = 0.01$
	Bekerja	15.43	3.30	
	Menganggur	15.13	3.35	
Jantina	Lelaki	14.99	3.21	t = 0.33 $\rho = 0.56$
	Perempuan	14.57	3.47	
Pendapatan ibu bapa sebulan	<RM1000	14.82	3.05	F= 0.92 $\rho = 0.40$
	RM1001-RM2000	14.69	3.45	
	>RM2000	15.19	3.39	
Umur	15 tahun	14.04	3.31	F= 3.33 $\rho = 0.00$
	16 tahun	14.77	3.31	
	17 tahun	14.36	3.38	
	18 tahun	14.57	3.53	
	19 tahun	15.28	2.68	
	20 tahun	16.38	3.78	
	21 tahun ke atas	15.88	2.87	

#### Peramal kepada Penglibatan dalam Masalah Sosial Bagi Responden Bersekolah

Analisis Regresi dalam kajian ini menentukan faktor-faktor yang menjadi peramal kepada penglibatan masalah sosial dalam kalangan golongan muda dari keluarga berpendapatan rendah di bandar.

Jadual 10 menunjukkan faktor pelindung dari aspek keluarga, komuniti, rakan sebaya, pendedahan kepada media, sekolah, estim sendiri dan kesedaran sivik menyumbang 5.5% sahaja kepada penglibatan golongan muda bersekolah dalam masalah sosial. Ini bermakna faktor pelindung tidak boleh dijadikan peramal kepada penglibatan golongan muda dalam masalah sosial kerana terdapat 95% faktor lain lagi yang menyumbang kepada penglibatan masalah sosial tersebut. Faktor pelindung dalam keluarga ( $\beta = -0.082$ ), rakan sebaya ( $\beta = -0.136$ ), media ( $\beta = -0.022$ ) dan kesedaran sivik ( $\beta = -0.078$ ) didapati berkait secara negatif. Lebih tinggi tahap faktor pelindung lebih kurang keterlibatan dalam masalah sosial. Namun demikian, perkaitan tersebut adalah tidak signifikan. Ini bermakna perlindungan yang diterima dari keluarga seperti ikatan hubungan yang kuat antara ibubapa dan anak tidak berkait dengan tahap penglibatan golongan muda bersekolah dalam masalah sosial. Dengan kata lain, ikatan kekeluargaan saja tidak cukup untuk membendung penglibatan generasi muda dalam masalah sosial. Begitu juga perlindungan dari rakan sebaya dan media yang diterima oleh responden kajian ini tidak dapat dijadikan peramal penglibatan mereka dalam masalah sosial. Boleh dikatakan semua faktor pelindung dalam kajian ini tidak menyumbang kepada

penghindaran penglibatan golongan muda bersekolah dalam masalah sosial ( $F=1.134$ ,  $\rho=0.343$ )

Jadual 10 : Analisis Regresi Penglibatan Dalam Masalah Sosial Bagi Responden Bersekolah Berdasarkan Faktor Pelindung

	Regresi		
	$\beta$	t	$\rho$
Jantina (dummy=laki)	0.148	1.769	0.079
Keluarga	-0.082	-0.848	0.397
Komuniti	0.047	0.488	0.626
Rakan sebaya	-0.136	-1.296	0.197
Media	-0.022	-0.231	0.817
Sekolah	0.037	0.359	0.720
Estim sendiri	0.089	0.837	0.404
Kesedaran sivik	-0.078	-0.738	0.462
$R^2 = 0.055$ , $F = 1.134$ , $\rho = 0.343$			

Sebaliknya, Jadual 11 menunjukkan faktor risiko yang menyebabkan golongan muda bersekolah terlibat dalam masalah sosial. Keadaan keluarga, rakan sebaya, media dan sekolah serta gender responden menjadi faktor risiko yang menyumbang kepada masalah sosial. Secara keseluruhannya, jantina dan faktor risiko (keluarga, komuniti, rakan sebaya, media dan sekolah) menyumbang kepada 14.9% varian dalam penglibatan dalam masalah sosial. Walau bagaimanapun, hanya faktor persekitaran sekolah didapati peramal yang signifikan. Ini bermakna pendedahan pada persekitaran sekolah yang negatif (rendah komitmen terhadap sekolah dan rendah pengharapan guru terhadap pelajar) menyumbang kepada penglibatan dalam masalah sosial dalam kalangan responden bersekolah.

Jadual 11: Analisis Regresi Penglibatan Dalam Masalah Sosial Dalam Kalangan Responden Bersekolah Berdasarkan Faktor Risiko

	Regresi		
	$\beta$	t	$\rho$
Jantina (dummy=laki)	0.102	1.268	0.207
Keluarga	0.109	1.467	0.144
Komuniti	-0.013	-0.167	0.868
Rakan sebaya	0.160	1.725	0.086
Media	0.087	0.907	0.366
Sekolah	0.186	2.305	0.022
$R^2 = 0.149$ , $F = 4.690$ , $\rho = 0.000$			

### Peramal kepada Penglibatan dalam Masalah Sosial Bagi Responden Bekerja

Faktor pelindung diandaikan dapat menyekat keterlibatan dalam masalah sosial dalam kalangan responden yang bekerja. Andaian ini tidak dapat disokong. Sungghpun, secara kolektif faktor-faktor jantina, keluarga, komuniti, rakan sebaya, media, estim diri dan kesedaran sivik menyumbang 25.3% varians terhadap penglibatan responden dalam masalah sosial, hanya jantina sahaja yang didapati signifikan. Persekitaran komuniti, rakan sebaya, media dan kesedaran sivik walaupun berkait secara negatif, tetapi perkaitan tersebut tidak signifikan. Ini bermakna kedapatan faktor pelindung tidak menjamin yang golongan muda kurang atau tidak terlibat dalam aktiviti berisiko. Hal yang sama juga diperhatikan bagi pemboleh ubah estim sendiri dan kesedaran sivik.

Jadual 11: Analisis Regresi Penglibatan Dalam Masalah Sosial Dalam Kalangan Golongan Muda Berpendapatan Rendah Bekerja Berdasarkan Faktor Pelindung

	Regresi		
	$\beta$	t	$\rho$
Jantina	0.414	5.281	0.000
Keluarga	0.067	0.697	0.487
Komuniti	-0.076	-0.621	0.536
Rakan sebaya	-0.222	-1.833	0.069
Media	-0.001	-0.014	0.989
Estim sendiri	0.005	0.050	0.960
Kesedaran sivik	-0.067	-0.663	0.508
$R^2 = 0.211, F = 6.057, \rho = 0.000$			


Jadual 12 pula menunjukkan sumbangan faktor risiko keluarga, komuniti, rakan sebaya dan media terhadap penglibatan dalam masalah. Didapati, secara kolektif, semua peramal berkenaan menyumbang sejumlah 33.6% varians dalam penglibatan dalam masalah sosial dalam kalangan golongan muda berkerja dari keluarga berpendapatan rendah. Namun demikian daripada empat domain faktor risiko yang diteliti, hanya dua yang signifikan—faktor risiko rakan sebaya dan faktor risiko media. Ini bermakna pendedahan kepada faktor risiko rakan sebaya dan faktor risiko media secara terus meningkatkan keterlibatan dalam masalah sosial.

Jadual 12: Analisis Regresi Penglibatan Dalam Masalah Sosial Dalam Kalangan Responden Bekerja Berdasarkan Faktor Risiko

	Regresi		
	$\beta$	t	$\rho$
Jantina	0.207	2.564	0.011
Keluarga	0.105	1.376	0.171

Komuniti	-0.084	-0.979	0.329
Rakan sebaya	0.248	2.486	0.014
Media	0.292	2.918	0.004
$R^2 = 0.336, F= 13.278, p= 0.000$			

Penemuan kajian ini memperjelaskan peranan faktor risiko keluarga, komuniti, rakan sebaya, sekolah dan media dalam meramalkan keterlibatan dalam masalah sosial dalam kalangan golongan muda yang bersekolah dan yang bekerja. Konteks dan persekitaran yang berbeza bagi yang bersekolah dengan yang bekerja mungkin menyumbang kepada penemuan yang berbeza. Peranan faktor risiko bagi kedua-dua golongan muda ini dirumuskan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Peramal Kepada Keterlibatan dalam Masalah Sosial

### Peramal Kesedaran Sivik

Kesedaran sivik merupakan unsur dalaman yang wujud dalam diri individu. Bagaimanapun kesedaran itu tidak timbul dengan sendirinya tanpa ada pengaruh luaran. Faktor dalaman seperti keluarga, komuniti, rakan sebaya, media dan sekolah, selain gender dan estim sendiri dijangka mempengaruhi kesedaran sivik. Jadual 13 di bawah menjelaskan hubungan kesedaran sivik dengan faktor-faktor seperti yang disebutkan tadi.

Dari sudut faktor pelindung, didapati semua faktor yang tersenarai menyumbang 41.9 % varians kepada sebarang perubahan kesedaran sivik golongan muda yang masih bersekolah. Bagaimanapun faktor pelindung rakan sebaya ( $\beta = -0.210, p= 0.006$ ), media ( $\beta = 0.154, p= 0.026$ ), sekolah ( $\beta = 0.258, p=0.001$ ) dan estim sendiri ( $\beta = 0.458, p=0.000$ ) adalah penyumbang yang signifikan kepada kesedaran sivik golongan ini. Ini menggambarkan kesedaran sivik responden kajian ini dapat dipertingkatkan apabila mereka mendapat perlindungan luaran yang tinggi dari rakan sebaya, pendedahan kepada media dan sekolah. Memiliki estim sendiri yang tinggi merupakan faktor pelindung


dalam yang paling signifikan dalam membina kesedaran sivik dalam kalangan golongan muda yang masih bersekolah ini. Oleh itu, usaha-usaha meningkatkan estim sendiri merupakan aktiviti yang paling penting diberi perhatian dalam meramalkan kesedaran sivik golongan muda yang bersekolah.

Sementara itu, berdasarkan faktor pelindung juga, ujian regrasi mendapati kesedaran sivik golongan muda yang sudah bekerja pula dipengaruhi oleh 40.1% faktor jantina, faktor pelindung keluarga, komuniti, rakan sebaya, media, sekolah dan estim sendiri. Bagaimanapun, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13, tidak semua peramal ini signifikan. Hanya faktor pelindung dari aspek komuniti ( $\beta= 0.282$ ,  $\rho=0.004$ ) dan estim sendiri ( $\beta= 0.390$ ,  $\rho= 0.000$ ) sahaja yang signifikan dan boleh dijadikan peramal kepada perubahan positif kesedaran sivik golongan muda yang sudah bekerja.

Jadual 13: Analisis Regresi Kesedaran Sivik

	Masih bersekolah			Sudah bekerja		
	$\beta$	t	$\rho$	$\beta$	t	$\rho$
Jantina	-0.041	-0.658	0.512	0.010	0.156	0.876
Keluarga	-0.027	-0.375	0.708	0.037	0.463	0.644
Komuniti	0.107	1.484	0.140	0.282	2.910	0.004
Rakan sebaya	-0.210	-2.757	0.006	0.010	0.105	0.916
Media	0.154	2.241	0.026	0.100	1.225	0.223
Estim sendiri	0.458	6.343	0.000	0.390	5.404	0.000
Sekolah	0.258	3.490	0.001	-	-	-
	$R^2 = 0.419$ , $F= 17.326$ , $\rho= 0.000$			$R^2 = 0.401$ , $F= 16.208$ , $\rho= 0.000$		

Oleh itu, perlindungan dari persekitaran luar seperti komuniti dan perlindungan dalaman seperti estim sendiri adalah perlindungan yang amat diperlukan oleh golongan muda yang sudah bekerja untuk meningkatkan kesedaran sivik mereka. Rajah 2 merumuskan peramal kepada kesedaran sivik golongan muda bersekolah dan bekerja.



Rajah 2: Peramal Kesedaran Sivik Mengikut Faktor Pelindung dan Faktor Individu

## KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Tinjauan ini telah memberikan gambaran tentang status keterlibatan golongan muda 15 hingga 25 tahun dari keluarga berpendapatan rendah di bandar dalam masalah sosial dan tahap kesedaran sivik mereka. Kajian ini juga telah menjelaskan perkaitan dan sumbangan faktor pelindung dan faktor risiko dalam meramalkan tahap keterlibatan dalam masalah sosial, dan peranan faktor pelindung terhadap kesedaran sivik. Berdasarkan dapatan kajian, berikut dikemukakan kesimpulan dan implikasi penemuan kajian.

1. Berpelesen/lepak, keluar hingga larut malam, dan merokok adalah masalah sosial yang biasa atau lumrah dalam kalangan golongan muda dari keluarga berpendapatan rendah di bandar. Masalah ini agak serius kerana peratusan yang terbabit dalam aktiviti berisiko ini agak tinggi. Sementara itu, keterlibatan dalam aktiviti risiko lain walaupun agak rendah tetapi ini tidak boleh dipandang ringan. Masalah sosial ini perlu ditangani secara berkesan kerana keterlibatan dalam satu masalah sosial akan membawa kepada masalah sosial yang lain. Berpelesen, keluar hingga larut malam dan merokok berkait dengan aktiviti risiko lain, maka adalah berbahaya memandang kecil keterlibatan golongan muda dalam aktiviti berisiko ini.

2. Ramai golongan muda dari keluarga berpendapatan rendah di bandar lemah kesedaran sivik mereka. Usaha meningkatkan kesedaran sivik perlu dilakukan kerana jurang dalam



kesedaran sivik boleh menghambat potensi golongan muda memainkan peranan sebagai rakan pembangunan dalam pembinaan negara.

3. Faktor pelindung dalam domain keluarga, komuniti, rakan sebaya, media dan sekolah tidak menyumbang secara langsung kepada pembatasan atau penghindaran keterlibatan dalam masalah sosial. Ini tidak bermakna ia tidak penting. Sebaliknya, mungkin sumbangan faktor pelindung ini berlaku menerusi pemboleh ubah pengantara atau mungkin faktor pelindung ini berfungsi sebagai moderator di antara perkaitan faktor risiko dengan keterlibatan dalam masalah sosial.

4. Faktor risiko menyumbang kepada keterlibatan dalam masalah sosial dan pengaruh faktor risiko ini adalah secara langsung. Bagi golongan muda yang masih bersekolah, didapati faktor risiko di sekolah adalah peramal yang kuat ke atas penglibatan dalam masalah sosial. Dengan kata lain, pelajar yang tidak komitment terhadap sekolah dan pelajar yang merasakan guru tidak meletakkan harapan kepada mereka adalah lebih mudah terlibat dalam masalah sosial. Bagi golongan muda yang bekerja pula, faktor risiko rakan sebaya dan faktor risiko media adalah peramal signifikan ke atas penglibatan dalam masalah sosial. Ini bererti mereka yang terdedah kepada rakan sebaya yang membawa contoh negatif dan terdedah kepada program negatif di media lebih mudah terlibat dalam masalah sosial.

6. Peratusan faktor risiko lebih tinggi dari peratusan faktor pelindung dalam menyumbang kepada penglibatan masalah sosial dalam kalangan golongan muda dari keluarga miskin. Walaupun faktor pelindung wujud dan diperolehi kebanyakan responden, namun faktor risiko yang tinggi juga akan menyebabkan mereka terlibat dalam masalah sosial. Oleh itu, implikasi kajian ini menunjukkan faktor pelindung tidak hanya cukup diberi perhatian sahaja, sebaliknya faktor risiko juga perlu dibentasi. Ini bermakna dalam program kerajaan dan masyarakat yang bertujuan menangani gejala sosial dalam kalangan muda perhatian menangani faktor risiko perlu diberi perhatian dan keutamaan yang sewajarnya.

7. Kesemua enam domain faktor pelindung adalah peramal yang signifikan ke atas kesedaran sivik. Bagi golongan muda yang bersekolah, faktor pelindung rakan sebaya, media dan sekolah serta estim sendiri menyumbang secara langsung ke atas kesedaran sivik. Golongan muda yang bersekolah yang berada dalam persekitaran rakan sebaya boleh dijadikan model, keluarga mengawal pendedahan kepada media massa terkawal, dan merasakan persekitaran sekolah adalah positif mempunyai kesedaran sivik yang lebih tinggi. Bagi golongan muda yang bekerja pula hanya faktor pelindung komuniti yang menyumbang secara langsung ke atas kesedaran sivik.

8. Status mengenai keterlibatan golongan belia muda yang berumur 15 hingga 25 tahun daripada keluarga berpendapatan rendah di bandar dalam masalah sosial yang didapati dalam kajian ini boleh dijadikan tanda aras dalam memantau tahap penglibatan mereka dalam masalah sosial. Sehubungan dengan ini, oleh kerana skala pengukuran faktor pelindung dan faktor risiko mempunyai tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima, maka ia boleh digunakan dalam kajian pemantauan dimasa akan datang.

## RUJUKAN

- Calhoun, G., Jurgens, J. & Chen, F. (1993). Juvenile delinquency: Trends, problems and causes. Kertas kerja dibentangkan dalam seminar delinkuensi juvana, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Choi, Y., Harachi, T. W., Gillmore, M. R., & Catalano, R. F. (2005). Applicability of the social development model to urban ethnic minority youth: Examining the relationship between external constraints, family socialization and problem behaviours. *Journal of Research on Adolescence*, 15 (4), 505-534.
- Christiano, T. (1996). *The rule of the many: Fundamental issues in democratic theory*. Boulder, CO: Westview Press.
- Costa, F. M., Jessor, R., & Turbin, M. S. (1999). Transition into adolescent tproblem drinking: the role of psychosocial risk and protective factors. *Journal of Studies on Alcohol*, 600, 480 – 490.
- Fazilah Idris, Ezhar Tamam, Azimi Hamzah, & Wendy Yee. (2005). Potensi Pembolehubah efikasi diri sebagai salah satu indikator Indeks Pembangunan Belia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pembangunan Generasi Moden. Realiti Generasi Muda: Melangkah Ke Hadapan* ms. (261-272). Bangi, Selangor: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Flannery, D. J., Vazsonyi, A.I. & Fridrich, A. (1993). Ethnic and gender differences in risk for early adolescent substance use. *Journal of Youth and Adolescence*, 23, 2.
- Hirschi, T. & Gottfredson, M. (1993). Commentary: Testing the General Theory of Crime". *Journal of Research in Crime and Delinquency*, 30. 47-54
- Huizinga, D., & Jakob-Chien, C. (1998). The contemporaneous co-occurrence of serious and violent juvenile offending and other problem behaviours. In R. Loeber & D. Farrington (Eds.), *Serious and Violent Juvenile Offenders: Risk Factors and Successful Interventions* (pp. 47 – 67). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Janoski, T. (1998) *Citizenship and Civil Society: A Framework of Rights and Obligations in Liberal, Traditional, and Social Democratic Regimes*. New York: Cambridge University Press.
- Jessor, R. Turbin, M. S., & Costa, F. M. (1998a). Protective factors in adolescent health behaviour. *Journal of Personality and Social Psychology*, 75, 788-800.
- Jessor, R. Turbin, M. S., & Costa, F. M. (1998b). Risk and protection in successful outcomes among disadvantaged adolescents. *Applied Developmental Science*, 2, 194-208.

Jessor, R., Turbin, M., Costa, F., Dong Q., Zhang, H., & Wang, C. (2003). Adolescent Problem Behaviour in China and the United States: A Cross-National Study Of Psychosocial Protective Factors. *Journal of Research on Adolescence*, 13(3), 329-360.

Jessor, R., Van Den Bos, J., Vanderryn, J., Costa, F. M., & Turbin, M. S. (1995). Protective factors in adolescent problem behaviour: Moderator effects and developmental change. *Developmental Psychology*, 31, 923-933.

Larson, R. W. (2005). Globalization, Societal change, and new technologies: What they mean for the future of adolescent. *Journal of Research on Adolescent*, 12(1), 1-30

Mannes, M., Roehlkepartain, E. C., & Benson, P. L. (2005). Unleashing the power of community to strengthen the well-being of Children, Youth, and Families: An Asset-Building Approach. *Child Welfare League of America*, 84 (2), 33-250

McBride, A. M., Sherraden, M. S., Pritzker, S. (2006). Civic engagement among low-income and low-wealth families: in their words. *Family Relations*, 55, 152-162

Noor Adiah Mohamad Nor. (1998). Satu kajian kes tentang masalah remaja sekolah dan kaitannya dengan pencapaian akademik. Kertas projek yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.

Norhayati Suaidi. (1994). Persekitaran fizikal, penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik kanak-kanak di rumah pangsa. Kertas projek yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.

Raman, A. M. I. (1999). Delinquency among students at a private institution of higher learning: A case study. Kertas projek yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari, Asnarul Abu Samah, Tan Jopei, Amna Md. Nor & Mansor Abu Talib. (2005). Predictors of conduct problems among school-going adolescents in West Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 2, 92-107

Schlozman, K. L., Verba, S. & Brady, H. E. (1999). Civic participation and the equality problem. In T. Skcpol & P. F. Fiorina (Eds.), *Civic Engagement in American Democracy* (pp. 427-460). Washington, DC: Brookings Institution.

Sesma, A., Jr., & Roehlkepartain, E.C. (2003). Unique strengths, shared strengths,: developmental assets among youths of color. Search Institute Insights & Evidence, 1 (2), 1 – 13. Available from <http://www.search-institute.org/research/insights>.

Siti Hadidah Muhaini. (1992). Jenayah remaha: masalah dan penyelesaiannya, satu kajian di Sarikei, Sarawak. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Wan Ghazali Wan Din. (2000). Gangguan emosi dan kaitan dengan kenakalan remaja. Laporan penyelidikan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.

Wilson, J., & Musick, M. (1999). The effects of volunteering on the volunteer. *Law and Contemporary Problems*, 62 (4), 141-168.

Wuthnow, R. (1991). *Acts of compassion: Caring for others and helping ourselves*. Princeton, NJ: Princeton University Press.